

15 MAY 2002

Mahathir-Transkrip/I

TRANSKRIP PERTEMUAN DR MAHATHIR-BUSH DI WHITE HOUSE

Berikut adalah transkrip perbualan antara Presiden George W. Bush dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa sesi bergambar di hadapan media di Oval Office (pejabat Presiden Amerika Syarikat) di White House di Washington pada Selasa. Transkrip itu dikeluarkan oleh kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur hari ini.

BUSH: Terima kasih semua kerana dapat datang. Tuan Perdana Menteri, selamat datang ke Oval Office, saya amat gembira dapat bertemu Tuan. Saya memang menunggu-nunggu lawatan ini untuk secara umumnya berterima kasih kepada Tuan Perdana Menteri kerana sokongan beliau yang kuat terhadap peperangan menentang keganasan.

Sebaik saja berlaku serangan 11 Sept lepas, beliau terus ke kedutaan kita dan menandatangani buku takziah, dan ini amat bermakna sekali. Beliau merupakan seorang yang boleh kita berunding, kita mempunyai hubungan yang baik. Kami sama-sama memberi perhatian berat kepada keganasan, kepada kesan keganasan kepada negara kita masing-masing dan kepada rakyat kita.

Tuan Perdana Menteri, saya ingin berterima kasih kepada Tuan kerana sifat persaudaraan Tuan dan berterima kasih kepada kepimpinan Tuan, dan saya ingin mengalu-alukan kedatangan Tuan.

DR MAHATHIR: Terima kasih, Tuan Presiden, kerana jemputan Tuan. Sejak kita bertemu di Shanghai, saya memang berhasrat untuk membuat susulan kepada apa yang kita bincangkan di sana, khususnya mengenai bagaimana untuk menangani masalah keganasan antarabangsa ini. Dan saya berharap, hasil daripada lawatan ini, kita akan dapat memahami strategi dan mungkin mencari jalan terbaik untuk mengatasi masalah yang dihadapi seluruh dunia ini, bukan saja Amerika Syarikat. Saya yakin lawatan ini akan berhasil.

BUSH: Saya pun berpendapat begitu. Terima kasih.

(Presiden Bush kemudian menoleh kepada wartawan dan meminta mereka mengemukakan soalan.)

SOALAN: Tuan Perdana Menteri, semasa Tuan menemui sekumpulan kami di New York, Tuan berkata bahawa tidak ada bukti pada masa itu bahawa al-Qaeda aktif di Malaysia. Sekarang ini, pegawai-pegawai Amerika memberitahu kami bahawa mereka percaya memang ada hubungan yang wujud. Adakah pendapat Tuan berubah sejak itu?

Dan, Tuan Presiden, saya ingin tahu sama ada Amerika Syarikat masih berpegang kepada pendirian bahawa Anwar Ibrahim dipenjarakan disebabkan khususnya kerana tentangan politiknya terhadap Perdana Menteri?

DR MAHATHIR: Pada masa itu, kami kurang pasti tetapi kami mendapati bahawa beberapa daripada orang ini yang memang aktif, yang merancang untuk menggulingkan kerajaan secara ganas menggunakan bom, telah bergiat di Pakistan dan kemudian di Afghanistan, di mana mereka menemui kumpulan al-Qaeda.

Dan mereka -- saya yakin mereka dapat menggulingkan kerajaan secara keganasan menggunakan bom untuk membentuk apa yang mereka anggap sebuah negara Islam.

SOALAN : Adakah Tuan percaya mereka al Qaeda?

DR MAHATHIR: Ya. Kami menemui bukti bahawa mereka terlibat dengan kumpulan ini.

BUSH: Apakah soalan kedua anda?

SOALAN: Soalannya ialah Tuan Presiden, adakah sama pendirian Amerika Syarikat bahawa Anwar Ibrahim, bekas menteri kewangan --

BUSH: Ya.

SOALAN: -- dipenjarakan terutamanya kerana tentangan politik beliau terhadap Perdana Menteri? Atau, adakah Tuan berpendapat dia harus dibebaskan?

BUSH: Pendirian kami tidak berubah.

SOALAN: Tuan Presiden, bolehkah Tuan jelaskan apa yang boleh diharapkan daripada hubungan Malaysia-Amerika di masa depan hasil daripada perbincangan yang berlangsung hari ini.

BUSH: Saya berpendapat kita boleh melihat kerjasama yang berterusan -- berkongsi maklumat perisikan, umpamanya. Biarkan saya habis dulu.

Satu perkara yang kita sedar ialah musuh kita samar-samar. Mereka bergerak di sebalik institusi awam dan kemudian mereka menyerang. Mereka bukannya seperti musuh yang kita kenali sebelum ini. Untuk memastikan masyarakat-masyarakat kita berada dalam keadaan selamat yang sebaik mungkin, kita perlu bertukar maklumat perisikan. Kita tahu mengenai pergerakan yang banyak berlaku di rantau itu, dan kita tidak ragu-ragu untuk berkongsi dengan kerajaan Tuan Perdana Menteri, tentang apa yang kita tahu. Dan juga sebaliknya, itu penting. Itu amat penting. Tugas saya yang paling penting -- saya ingatkan ini kepada rakyat Amerika -- ialah menentukan keselamatan negara kita.

SOALAN : Tidak lebih luas daripada itu --

BUSH: Ada banyak lagi. Kami akan berbincang mengenai perdagangan. Kami akan berbincang mengenai ekonomi. Tetapi apabila membabitkan keselamatan negara, seluas itu sajalah. Saya tidak akan biarkan negara kita lupa, atau kawan-kawan kita di dunia lupa tentang apa yang berlaku pada 11 Sept. Ia boleh terjadi kepada sesiapa saja, dan Tuan Perdana Menteri memahaminya.

Dan daripada aspek ini, lawatan ini amat penting. Kami juga akan berbincang mengenai Asia Barat, dan saya ingin benar mahu mendengar pendapat Tuan Perdana Menteri mengenai Asia Barat. Oleh itu, kami akan mempunyai perbincangan yang bermakna.

SOALAN: Tuan Presiden, bekas presiden Carter kini berada di Cuba, akan berucap kepada rakyat Cuba. Adakah beliau -- ucapan beliau merumitkan lagi dasar luar Amerika? Dan apakah yang anda akan katakan kepada rakyat Cuba, jika dibenarkan bercakap terus dengan mereka?

BUSH: Seperti yang anda tahu, saya menghargai tumpuan Presiden Carter mengenai hak asasi manusia. Saya rasa itu penting untuk Cuba, sebuah tempat yang tiada hak asasi manusia.

Mesej saya -- pertamanya, ia tidak merumitkan dasar luar saya kerana saya tidak menukar dasar luar saya. Dan Fidel Castro ialah seorang diktator dan beliau menindas. Dan beliau perlu mengadakan pilihan raya bebas. Dan beliau perlu mempunyai media yang bebas. Dan perlu membebaskan semua tahananannya. Dan beliau perlu menggalakkan perusahaan bebas.

Dan mesej saya kepada Fidel -- mesej saya kepada penduduk Cuba, ialah, tuntutan kebebasan dan anda mempunyai seorang presiden yang berpihak kepada anda. Dan mesej saya kepada Fidel Castro tidak lebih daripada apa yang saya telah katakan. Saya akan menyampaikan mesej itu Isnin depan di sini, dan kemudian saya akan ke Miami untuk sambutan Hari Kemerdekaan Cuba.

Soalan akhir di sini bagi --

SOALAN: Tuan Presiden, apakah pendapat anda mengenai takrif Dr Mahathir mengenai keganasan dan pendapat beliau mengenai punca utama keganasan yang perlu ditangani bukan dengan tindakan ketenteraan sahaja?

BUSH: Saya bersetuju dengan itu. Saya rasa -- tetapi, pertamanya, ada antara orang ini tidak lebih daripada pembunuh kejam, dan tiada program pemulihan bagi mereka, kecuali hadapkan mereka ke muka pengadilan. Maksud saya, tiada jalan lain. Bahawa orang ini, telahpun mengambil pendirian, pemimpin kumpulan-kumpulan ini telah memutuskan yang mereka akan datang dan membunuh. Dan ia mungkin seorang rakyat Amerika, ia mungkin rakyat Malaysia, siapa tahu -- tetapi kita akan menghalang mereka.

Dan oleh itu program terbaik ialah gunakan tentera kita, kumpulkan maklumat risikan, halang bantuan kewangan, untuk memburu pembunuh-pembunuh ini.

Kini, daripada segi apa yang dicari oleh muda-mudi -- seperti yang anda tahu, mereka mencari masa depan, jika masih tiada harapan di masa depan mungkin timbul peluang untuk menjadi pembunuh berani mati atau pembunuh. Dan sebab itulah saya fikir kita perlu berbincang, mengenai bagaimana mengatasi perasaan ini apabila tiada harapan; Maksud saya, untuk membantu mereka sedar adanya masa depan lebih baik daripada menyertai pertubuhan pengganas yang niat tunggalnya ialah untuk membawa kemusnahan.

Sebab itulah mengapa pendidikan sangat penting. Inisiatif-inisiatif penjagaan kesihatan yang baik adalah penting. Sebab itulah ia penting, seperti yang anda tahu, bagi penduduk Asia Barat merasakan adanya masa depan. Itu satu daripada sebab saya menyokong satu negara Palestin yang boleh wujud bersama dengan Israel secara aman, supaya di sana -- mereka sedar ada masa depan. Dan ada yang lebih baik -- sediakan pilihan lebih baik bagi mereka selain daripada menjadi pembunuh berani mati.

Tetapi daripada segi anggota-anggota kanan al Qaeda atau orang seperti mereka -- dengar, tiada -- seperti yang saya kata, saya ulangi, tiada program pemulihan bagi mereka. Hanya ada satu perkara untuk dibuat, iaitu tangkap mereka, dan itu kita akan lakukan. Kami mahu membawa mereka ke muka pengadilan. Dan saya akan mengingatkan Perdana Menteri yang ia akan mengambil sedikit masa. Dan kami bersabar. Beliau perlu tahu yang Presiden Amerika, kerajaan kita ialah sebuah kerajaan yang sangat bersabar. Dan kita tegas. Dan kita berazam. Dan kita akan memburu mereka. Dan kita berharap dapat terus bekerjasama dengan beliau untuk membuat itu. Dan kita akan membawa mereka ke muka pengadilan, itulah yang akan berlaku kepada semua orang ini.

-- BERNAMA

AU PR MAI